

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HGM 231 Geografi Manusia

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DALAM  
DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT soalan.

1. (a) Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu bezakan di antara ruang mutlak, ruang relatif dan ruang hubungan.  
(12.5 markah)
- (b) Jelaskan bagaimana pengalaman ruangan mewujudkan ruang sosial. Berikan contoh-contoh yang sesuai.  
(12.5 markah)
2. Di dalam geografi manusia peranan yang diberi kepada faktor manusia berbeza-beza mengikut pendekatan yang digunakan oleh ahli geografi. Jelaskan pernyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.  
(25 markah)
3. (a) Dengan merujuk kepada dua model yang sesuai, terangkan bagaimana proses pembangunan ekonomi boleh dipandang sebagai proses bauran ruangan.  
(15 markah)
- (b) Apakah kelemahan-kelemahan pendekatan sebegini?  
(10 markah)

.../2

4. (a) Terangkan "ekonomi ekopolitik"? (15 markah)
- (b) Bagaimanakah model ekonomi ekopolitik berbeza daripada paradigma bauran pembangunan ekonomi? (10 markah)
5. Elemen-elemen subjektif manusia menentukan perilaku dalam membuat keputusan. Buktikan pendapat tersebut dengan merujuk kepada pandang darat pertanian di negara anda. (25 markah)
6. Dengan merujuk kepada peringkat-peringkat kebudayaan masyarakat di negara anda, bincangkan hubungan alam-manusia yang dicerminkan melalui interaksi manusia dengan persekitarannya. (25 markah)

-oooOOOooo-